

7.5.5 Keahlian Lembaga Perolehan Negeri

a) Keahlian Lembaga Perolehan Negeri adalah seperti berikut:

- Pengerusi : Setiausaha Kerajaan
Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri
- Ahli :
- (i) Pegawai Kewangan Negeri, jika tidak menjadi Pengerusi, atau wakilnya; dan
 - (ii) Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri atau wakilnya; dan
 - (iii) Ketua Penolong Pengarah Unit Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri Sabah atau wakilnya; dan
- (iii) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/ pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

7.5.6 Tanggungjawab Lembaga Perolehan

Tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan, Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab mempertimbang dan menyetujui terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan Kerajaan. Antara tanggungjawab dan tugas-tugas Lembaga Perolehan adalah seperti berikut:

- (a) Memeriksa dan meneliti pendaftaran dengan Kementerian Kewangan atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), iklan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (jika perlu), jadual tender yang disediakan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan laporan penilaian kewangan dan lain-lain;